

Seri Paduka mungkin guna 2 kaedah lantik PM baharu

Pilih ahli Dewan Rakyat atau tubuh kerajaan perpaduan

Kuala Lumpur: Pakar Perlembagaan berpandangan ada dua kaedah mungkin digunakan Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah dalam pelantikan Perdana Menteri baharu susulan peletakan jawatan Tan Sri Muhyiddin Yassin, kelmarin.

Pengarah Institut Tamadun dan Kajian Strategik, Universiti Malaysia Pahang (UMP), Prof Madya Datuk Dr Wan Ahmad Fauzi Wan Husain, berkata Seri Paduka boleh melantik seorang ahli Dewan Rakyat yang pada hemat baginda mungkin mendapat kepercayaan majoriti ahli Dewan mengikut Perkara 43(2)(a) Perlembagaan Persekutuan.

Katanya, kuasa itu boleh dilaksanakan mengikut kebijaksanaan baginda tanpa perlu memanggil ahli Dewan Rakyat un-

tuk menyatakan nama yang dipilih sebagai calon Perdana Menteri.

"Baginda juga mungkin menyatakan pandangan kepada pemimpin dua blok, iaitu Perikatan Nasional (PN) dan pembangkang supaya kerajaan perpaduan ditubuhkan.

"Syarat pelantikan Perdana Menteri di bawah Perkara 43(2)(a), tidak tertakluk sudah diuji mendapat sokongan majoriti dan boleh dibuktikan selepas beliau dilantik.

"Yang di-Pertuan Agong boleh melantik Perdana Menteri daripada PN atau pembangkang termasuk Pakatan Harapan (PH).

"Baginda juga ada pilihan menasihati kedua-dua blok menuhkan kerajaan perpaduan supaya pembentukan kerajaan tidak tertangguh, Parlimen boleh bersidang dan perkara penting seperti Bajet 2022 dapat dibentangkan seperti dijadualkan.

"Ini bagi mengelak berlaku lagi isu berkaitan hilang kepercayaan majoriti terhadap Perdana Menteri, yang akan mengakibatkan kerajaan jatuh sekali lagi dalam masa singkat," katanya kepada *BH*, semalam.

Wan Ahmad Fauzi berkata, jika

kerajaan jatuh sekali lagi sebelum Pilihan Raya Umum (PRU) diadakan, Yang di-Pertuan Agong mempunyai pilihan mengisytiharkan darurat bagi membolehkan Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) ditubuhkan untuk mentadbir negara.

Mengulas peranan Muhyiddin sebagai Perdana Menteri sementara, beliau berkata, penggunaan istilah sementara dan *caretaker* pada hakikatnya merujuk situasi sama, iaitu sesuatu yang tidak tetap atau seseorang yang tidak melaksanakan tugas atau fungsi kuasa jawatan kerana berlaku kekosongan dalam satu tempoh secara sementara.

"Seperti istilah demokrasi, Perdana Menteri interim atau *caretaker* juga tiada dalam Perlembagaan.

"Namun, itu bukan bermakna ia tidak boleh digunakan kerana semua istilah itu menunjukkan ciri yang ada dalam keadaan tertentu, sama juga seperti sistem yang tertakluk dalam peruntukan Perlembagaan.

"Apa yang lebih penting dibahaskan adalah punca dan skop kuasa pelaksana jawatan dan tugas yang dikatakan bersifat interim dan *caretaker* itu. Perkenan

Yang di-Pertuan Agong untuk Muhyiddin menjalankan tugas *caretaker* seperti pernah diperuntukkan kepada Tun Dr Mahathir Mohamad diandaikan tidak dibuat di bawah Perkara 43(2)(a)," katanya.

Katanya, ia berikutan itu adalah sumber kuasa pelantikan yang tertakluk pada syaratnya dan pasti juga bukan di bawah perenggan (b) perkara yang sama kerana Parlimen tidak dibubarkan ketika ini.

"Jika lantikan dibuat mengikut Perkara 43(2)(a), itu bukan bersifat interim dan *caretaker* kerana peruntukan itu merujuk pelantikan penuh yang dibaca bersama dengan Fasal (6).

"Perkara 43(6), iaitu sebelum seseorang menteri menjalankan fungsi jawatannya, beliau hendaklah mengangkat dan menandatangani di hadapan Yang di-Pertuan Agong, sumpah jawatan, sumpah setia dan sumpah simpan rahsia yang dinyatakan dalam Jadual Keenam.

"Hakikatnya, tugas Perdana Menteri interim dan *caretaker* seperti diperkenalkan kepada Muhyiddin bersifat sementara atau interim. Jika tidak dibuat di bawah Perkara 43(2), maka punca

Kuasa itu boleh dilaksanakan mengikut kebijaksanaan baginda tanpa perlu memanggil ahli Dewan Rakyat untuk menyatakan nama dipilih sebagai calon Perdana Menteri



Wan Ahmad Fauzi Wan Husain, Pengarah Institut Tamadun dan Kajian Strategik UMP

kuasanya berlandaskan prerogatif Yang di-Pertuan Agong," katanya.

Wan Ahmad Fauzi berkata, Yang di-Pertuan Agong mempunyai prerogatif untuk membolehkan tugas tertentu dilaksanakan pihak lain, tertakluk kepada undang-undang Persekutuan bagi maksud pelantikan di luar kerangka Perkara 43.

"Tugas Perdana Menteri *caretaker* atau interim terhadap pada pentadbiran, tempoh dan tertakluk pada fungsi kuasa eksekutif diperuntukkan secara nyata oleh Yang di-Pertuan Agong.

"Sumber kuasa seperti tugas berkenaan boleh dikurniakan baginda di bawah Perkara 39, yang dibaca bersama prerogatif yang terpelihara menurut Perkara 181(1)," katanya.